



BULETIN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

PROFESION

BIL: 2 / 2015 www.pppmalaysia.com

KU



MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PERWAKILAN KALI PERTAMA

Menarik didalam



Srikandi
Penolong
Pegawai Perubatan
m/s 4



Lawatan Ke
Klinik Kesihatan
Kampung Bantal
m/s 11



Berbuka
Puasa Bersama
Anak-anak Yatim
m/s 9



Malam
Jasamu
Dikenang
m/s 12

Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah swt yang memberi peluang kepada kita bertemu kembali dalam ruang ProfesionKu bagi kali ke2 tahun 2015.

Awal perutusan ini, tidak terlambat saya mengucapkan tahniah dan syabas atas pelantikan barisan Ahli Jawatankuasa Pusat bagi Penggal 2015 / 2016 yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Dwi Tahunan yang telah diadakan pada 14 Mei 2015, di MITC, Ayer Keroh, Melaka. Selaku Pengerusi, saya berjanji dengan izin Allah swt, akan memimpin Persatuan ini bagi tempoh 2 tahun, dengan kerjasama serta sokongan semua pihak terutama Ahli Jawatankuasa Pusat, memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kami oleh ahli Persatuan.

Aktiviti utama Persatuan dalam tahun 2015 iaitu Konferens Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan telah dapat kita adakan dengan gemilang & cemerlang dari 11 hingga 13 Mei 2015 di MITC, Ayer Kroh Melaka. Konferens bertema "Community Health at Heart" telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia. Syabas & tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Pusat serta Jawatankuasa Kerja terutama dari kalangan Penolong Pegawai Perubatan Negeri Melaka yang telah menunjukkan kesungguhan serta komitmen dalam menjayakan Konferens ini. Kepada Setiausaha Jawatankuasa Pusat Konferens saya ucapkan tahniah atas usaha beliau bagi julung kali menghasilkan Laporan Khas Konferens untuk dijadikan panduan bagi pengurusan Konferens masa hadapan.

Kehadiran Wanita dalam profesion Penolong Pegawai Perubatan telah dapat sedikit sebanyak mengubah senario

serta latar perjuangan kemajuan profesion ini, yang mana telah lebih menyerlah dengan pengwujudan Biro Wanita diperingkat ibu pejabat Persatuan.


Kejayaan pertama Biro Wanita adalah penganjuran Seminar Penolong Pegawai Perubatan dalam perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi, Peringkat Kebangsaan bertema "New Challenges" yang diadakan dari 27 - 29 November 2015. Syabas & tahniah kepada Jawatankuasa Kerja serta Kumpulan Teknikal Penolong Pegawai Perubatan dalam Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi atas sumbangan mereka dalam menjayakan Seminar ini.

Masa berlalu begitu pantas, kita sudahpun berada pada akhir tahun 2015. Masih banyak lagi perkara yang perlu diuruskan untuk kepentingan kemajuan profesion Penolong Pegawai Perubatan (Pembantu Perubatan). Saya, insan yang kerdil hanya dapat mohon kepada Allah swt supaya dapat perolehi kesihatan tubuh badan bagi menempuh baki penggal selaku Pengerusi Persatuan yang amat mencabar ini.

Akhir nukilan saya ini, saya merayu kepada setiap Penolong Pegawai Perubatan (Pembantu Perubatan) diluar sana, samada di sektor awam mahupun swasta untuk menyahut cabaran profesion, ambil langkah pertama menjadi ahli Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia.

Nikmatilah kemanisan berkongsi kejayaan bersama daripada hanya seorang diri.

Sekian, Wassalam.



HJ. MUSTAFA ABD MAJID
Pengerusi.

Catatan Ketua Editor

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera, Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya Buletin PROFESIONKU bilangan 2/2015 dapat diterbitkan mengikut jadual. Menjadi sasaran bagi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) untuk menerbitkan sebanyak 2 keluaran bagi setiap tahun dan sasaran ini telah berjaya dicapai. Tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua editor yang tanpa mengenal jemu berusaha menyiapkan buletin ini.

Memandangkan ini merupakan buletin bilangan 2 bagi tahun 2015, maka info - info didalam buletin ini adalah aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh PPPM dan Cawangan bagi tahun 2015. Turut dimuatkan artikel berkenaan Penolong Pegawai Perubatan wanita yang telah berkecimpung dalam alam kerjaya sejak tahun 2010.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat tahun baru 2016.

Semoga Penolong Pegawai Perubatan kekal berjaya ditahun-tahun mendatang serta menjadi kebanggaan dan model bagi semua kakitangan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebelum saya menutup tirai, saya ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan dalam menghasilkan Buletin PROFESIONKU ini. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T. Akhir kata daripada saya, semoga kita semua mendapat maklumat dan pengetahuan yang bermanfaat daripada buletin ini. Sebarang cadangan dan pendapat sila emailkan kepada syamsulrezali@gmail.com.

Wassalam. Bakti Mulia.



HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
B.Sc. (Hons) NPD (UK). Dip. MA (MAL). Dip. CM (Colombo)

Sidang Redaksi



Ketua Editor

HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U41
HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH



HJ. IDRIS BIN MOHD NOR
MANTAN PRESIDEN
PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA



HJ. MOHD ZABIDI BIN MOHD TAHA
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U41
HOSPITAL MELAKA



HJ. MUSTAFA BIN ABD MAJID
PENGURUS
PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA



HJ. AMIN ZAFRI BIN ABD. RAHMAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U41
KLINIK KESIHATAN PRESINT 18, PUTRAJAYA

Diterbitkan oleh

PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

No. 11-2, Wisma Pembantu Perubatan,
Jalan Reko Sentral 9, Reko Sentral,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

TEL : 03-87340109 Fax : 03-87399452

Email : ma_pppm@yahoo.com Web Site : www.pppmalaysia.com

Senarai Pegawai - Pegawai Ibu Pejabat Penggal 2015/2016



PENGERUSI
HJ. Mustafa bin Abd Majid
Ani Lembaga KoPPS & Pengurus
Wisma Pembantu Perubatan, Kajang
Emel: mustafamajid@yahoo.com
Tel.: 03-87340109
H/P: 012-2534082



TIMBALAN PENERUSI
HJ. Yahaya bin Jaafar
Penolong Pegawai Perubatan U44
Jabatan Kesihatan Negeri Johor (KA)
Emel: hyahaya@yahoo.com.my
H/P: 012-7496590



SETIAUSAHA AGUNG
Amin Zafri bin Abd Rahman
Penolong Pegawai Perubatan U41
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18
Emel: aminazfiri_ma@yahoo.com
Tel.: 03-88810636
H/P: 012-3578125



PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG
Saiful-Lizan bin Mohammed
Penolong Pegawai Perubatan U36
Unit Dialisis Hospital Kajang
Emel: hduhji@yahoo.com
H/P: 013-3593354



BENDAHARI AGUNG
HJ. Jaafar bin Ma Shariff
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan
Keluarga, KKM, Putrajaya
Emel: njjaafar@gmail.com
Tel.: 03-88832188
H/P: 011-6-7559232

Senarai Pengerusi Biro Penggal 2015/2016



PENDIDIKAN
Nordin bin Abdul Mutalib
Penolong Pegawai Perubatan U42
Bahagian Penolong Pegawai Perubatan,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Emel: nordinukaps@yahoo.com.my
H/P: 011-17737201



KEBAJIKAN
HJ. Mohd Diah bin Haji Koreh
Instruktur Klinik
Kolej Antarabangsa Murni,
Putrajaya
Emel: munda3@yahoo.com
Tel.: 03-61155641
H/P: 013-3635155



EKONOMI
HJ. Mohd Zabidi bin Mohd Taha
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Melaka
Emel: bazabidi@yahoo.com
Tel.: 06-2892621
H/P: 012-9805790



WANITA
Cik Asmunnasrah binti Saieh
Penolong Pegawai Perubatan U29
Unit Dialisis Hospital Kajang
Emel: asmunnasrah@yahoo.com
Tel.: 04-7741126
H/P: 017-2389010

Juruaudit Penggal 2015/2016



JURUAUDIT 1
HJ. W. Muhammad Azman W. Abdullah
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Kuala Lumpur
Emel: wmozaman@gmail.com
Tel.: 03-26155641
H/P: 019-6024165



JURUAUDIT 2
HJ. Abdul Wahab bin Md Zin
Penolong Pegawai Perubatan U36
Bahagian Pembangunan Kesihatan
Keluarga, KKM, Putrajaya
Emel: wahab_zain@mh.gov.my
Tel.: 03-88834103
H/P: 013-9527210

Senarai Ahli Jawatankuasa Cawangan Penggal 2015/2016

PERLIS



PENERUSI CAWANGAN
HJ. Azli bin Ahmad
Pensyarah (Program Diploma MA)
KATPM
Emel: aba_er@yahoo.com
H/P: 019-4549611



SETIAUSAHA CAWANGAN
Shahril Nazar bin Ismail
Penolong Pegawai Perubatan U32
Klinik Kesihatan Besei
Emel: shahrilnazar@gmail.com
Tel.: 04-9381355
H/P: 013-5039751

KEDAH



PENERUSI CAWANGAN
HJ. Affudin bin Said
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Sultanah Bahiyah
Emel: affudin_88@yahoo.com
Tel.: 04-7407915
H/P: 019-4588231



SETIAUSAHA CAWANGAN
HJ. Zamri bin HJ. Abdul Hamid
Penolong Pegawai Perubatan U42
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Emel: njzam@yahoo.com
Tel.: 04-7741126
H/P: 013-4674167

PULAU PINANG



PENERUSI CAWANGAN
HJ. Mohd Asli bin Zahari
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Seberang Jaya
Emel: ma_mohdali72@yahoo.com
Tel.: 04-3827285
H/P: 0195117275



SETIAUSAHA CAWANGAN
HJ. Mohd Akhir bin Ibrahim
Penolong Pegawai Perubatan U41
Pej. Kes. Daerah 3brg. Perai Tengah
Emel: mohdakhir70@yahoo.com
Tel.: 04-3901842
H/P: 019-568723

PERAK



PENERUSI CAWANGAN
HJ. Ahmad Syamsul bin HJ. Basli
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipon
Emel: asaz74@yahoo.com
Tel.: 05-2687063
H/P: 012-2622324



SETIAUSAHA CAWANGAN
Syamsul bin Samsudin
Penolong Pegawai Perubatan U32
Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipon
Emel: syamsulamsudin@gmail.com
Tel.: 05-2685000 samb. 2566
H/P: 012-9727843

KELANTAN



PENERUSI CAWANGAN
Mahadi bin Abdullah
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Raja Perempuan Zainab II
Emel: myydee@yahoo.com
Tel.: 09-7452114
H/P: 012-4961797



SETIAUSAHA CAWANGAN
HJ. Azman bin Abdul Aziz
Penolong Pegawai Perubatan U36
Pej. Kesihatan Daerah Tanah Merah
Emel: azmanaziz75@gmail.com
Tel.: 09-9566333 / 9558333
H/P: 013-9322706

TERENGGANU



PENERUSI CAWANGAN
HJ. Hussin bin Hasan
Penolong Pegawai Perubatan U42
Hospital Sultanah Nur Zahirah
Emel: hussin3642@gmail.com
Tel.: 09-4212165
H/P: 017-2923642



SETIAUSAHA CAWANGAN
Khairuddin bin Mohd Tarmidi
Penolong Pegawai Perubatan U36
Hospital Hulu Terengganu
Emel: khairm2001@yahoo.com
Tel.: 09-8513364
H/P: 019-9150675

PAHANG



PENERUSI CAWANGAN
Khairin Anwar bin Asudin
Penolong Pegawai Perubatan U36
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Emel: abeychik@yahoo.com
Tel.: 09-5572531 / 2232
H/P: 019-9847814



SETIAUSAHA CAWANGAN
Achik Sam bin Alias
Penolong Pegawai Perubatan U32
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Emel: nyad71@gmail.com
Tel.: 09-5707884
H/P: 019-9556713

SELANGOR



PENERUSI CAWANGAN
Mazlan bin Zakariya
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Sungai Buloh
Emel: mazlanzakariya@gmail.com
Tel.: 03-61454229
H/P: 019-2927753



SETIAUSAHA CAWANGAN
Mohd Hazani bin Hassim
Penolong Pegawai Perubatan U32
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Emel: hazani_81@yahoo.com
Tel.: 03-51237333 EXT 481
H/P: 013-4880033 / 016-6239031

NEGERI SEMBILAN



PENERUSI CAWANGAN
Zanif bin Shafie
Penolong Pegawai Perubatan U32
Hospital Kuala Pilah
Emel: zanifs@yahoo.com
Tel.: 06-4821576
H/P: 019-3361678



SETIAUSAHA CAWANGAN
HJ. Mohd Zakram bin Mohd Raus
Penolong Pegawai Perubatan U32
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Emel: mazzakram@mh.gov.my
Tel.: 06-7646400
H/P: 011-16307001

MELAKA



PENERUSI CAWANGAN
Haji Mohd Sani bin Mokhtar
Penolong Pegawai Perubatan U42
Hospital Melaka
Emel: mshms377@yahoo.com
Tel.: 06-2893723
H/P: 013-9301596



SETIAUSAHA CAWANGAN
Zainuddin bin Sulaiman
Penolong Pegawai Perubatan U32
Hospital Melaka
Emel: zdn75@yahoo.com.my
Tel.: 06-2892627
H/P: 010-4339906

JOHOR



PENERUSI CAWANGAN
Nazhar bin Mansor
Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Penolong Pegawai Perubatan,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Emel: nazhamansor@yahoo.com.my
H/P: 019-3942800



SETIAUSAHA CAWANGAN
Mohd Fairuz bin Abu Bakar
Penolong Pegawai Perubatan U41
Hospital Sultanah Aminah
Emel: ayos75@yahoo.com
H/P: 013-730197

Srikandi Penolong Pegawai Perubatan



Pre Hospital Care

Profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) telah dikenalpasti mula bertapak di Malaysia pada tahun 1756. Profesion ini telah dibawa masuk oleh Pemerintah British ke Tanah Melayu untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada pekerja di ladang-ladang milik syarikat British dan seterusnya diperluaskan kepada penduduk Tanah Melayu di kawasan pedalaman.

Sejajar dengan perubahan zaman, profesion PPP juga telah mengalami transformasi dari masa ke semasa. Transformasi berlaku bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan Negara. Profesion PPP yang dimonopoli oleh kaum lelaki telahpun dibuka peluang kepada kaum wanita. Pengambilan pelatih PPP wanita pertama bagi latihan Diploma Pembantu Perubatan bermula pada tahun 2005 di Kolej Islam, Sains dan Teknologi (KIST), Bachok, Kelantan. Manakala untuk Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), pengambilan pertama pelatih PPP wanita berlaku pada tahun 2007 dan mereka memulakan kerjaya sebagai PPP pada tahun 2010.

Jumlah keseluruhan Penolong Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan adalah seramai 18538 orang dan daripada jumlah itu, 2196 orang adalah PPP Wanita. Seramai 1115 orang berkhidmat dengan sektor awam, manakala selebihnya iaitu 1081 orang lagi berkhidmat di sektor swasta.

PPP wanita telah dilatih mempunyai kemampuan dan daya tahan yang setanding dengan PPP lelaki. Skop tugas PPP wanita adalah sama dan tiada bezanya dengan PPP lelaki dengan satu visi bagi memastikan pesakit sentiasa mendapat rawatan yang terbaik dan optimum. Di sektor awam, mereka ini ditempatkan di Pre Hospital Care (PHC), Jabatan Kecemasan dan Trauma, Unit-unit Kepakaran seperti Neurofisiologi, Kardiologi, Obstetrik & Ginekologi, Hemodialisis serta Hospital Universiti, Klinik Kesihatan, PLKN dan Klinik 1 Malaysia.

Manakala bagi sektor swasta, PPP Wanita ada yang telah berkhidmat di Pusat Perubatan Swasta, Klinik, Ladang dan Kilang.



Obstetrik & Ginekologi

Tahniah dan syabas kepada semua SRIKANDI yang dilantik sebagai Penolong Pegawai Perubatan kerana anda semua telah membuktikan bahawa bukanlah alasan untuk wanita menyumbang tenaga dan jasa dalam memenuhi hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

#KesihatanRakyatKeutamaanKami

Md Saiful Adli Bin Mohamad Aziz
Editor  Penolong Pegawai Perubatan



Hemodialisis



Kardiologi



Neurofisiologi



Swasta

Ringkasan Aktiviti Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Sepanjang Tahun 2015



11 – 13 Mei 2015.

Konferens Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2015. Konferens yang bertemakan "Community Health At Heart" telah diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka dan dirasmikan oleh Y.B. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia. Seramai 800 orang delegasi daripada seluruh tanah air telah menghadiri konferens pada kali ini.



14 Mei 2015.

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Perwakilan PPPM.

Mesyuarat yang dihadiri oleh seramai 32 Perwakilan termasuk AMT serta 28 AJK Pusat, Pengerusi Biro dan Juru Audit bagi Penggal 2013 / 2014 telah diadakan di Hotel Kobemas, Ayer Keroh, Melaka



17 – 18 Mei 2015.

Sesi Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan Daripada PPPM dan KKPPPSM. PPPM dan KKPPPSM telah membuat penyerahan sumbangan berupa peralatan perubatan kepada empat buah Klinik Kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Laloh dan Klinik Kesihatan Dabong di Daerah Kuala Krai serta Klinik Kesihatan Aring dan Klinik Kesihatan Bertam Baru di Daerah Gua Musang yang terlibat dalam bencana banjir pada akhir tahun 2014.



15 Jun 2015 .

Mesyuarat LPP Kali Ke 60. PPPM telah membentangkan Resolusi yang dicapai semasa Konferens PPP di dalam mesyuarat yang diadakan di Ibu pejabat KKM. Resolusi ini diasaskan atas semangat untuk melonjak, memperkasakan dan memantapkan profesion PPP bagi memenuhi keperluan perkhidmatan serta cabaran semasa. Resolusi ini memberi tumpuan terhadap aspek "niche area" profesion PPP dengan memberi penekanan kepada pemerkasaan profesion.



17 Jun 2015.

Taklimat Pre Hospital (Ambulance) Care oleh Western Australian Ambulance Service. PPPM telah dijemput ke taklimat tentang peranan Paramedic Western Australian Ambulance Service yang diadakan di HTAR, Klang.

18 Jun 2015.

Sesi pertemuan antara Koperasi Pembantu Perubatan Selangor Berhad (KoPPSB) dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM. KoPPSB sebagai sebuah entiti berasaskan perniagaan dibawah Biro Ekonomi.

PPPM telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) di Ibu pejabat KKM, Putrajaya. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan perkhidmatannya serta produk yang ditawarkan oleh KoPPSB.

27 Jun 2015.

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 1 Penggal 2015/2016. Mesyuarat sulung pasca Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali Pertama telah diadakan di Hotel Bangi- Putrajaya, Bandar Baru Bangi. Pada sebelah malamnya, ahli-ahli mesyuarat juga turut serta di dalam Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di hotel yang sama.

28 Jun 2015 .

Mesyuarat Pasca Konferens Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2015. Mesyuarat ini diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya merupakan post mortem kepada pengantjaran konferens yang telah berlangsung.

6 – 9 Ogos 2015 .

KUALA LUMPUR CITY GRAND PRIX (KLCityGP) 2015. PPPM telah diberikan tanggungjawab untuk menyalurkan khidmat pasukan perlindungan perubatan sepanjang acara perlumbaan sempena Kuala Lumpur City Grand Prix yang akan berlangsung selama empat (4) hari. Seramai 20 orang Pembantu Perubatan yang terdiri daripada ahli PPPM telah mengambil bahagian dalam tugas ini. PPPM berpendapat, peluang ini akan memberikan ilmu pengetahuan serta pengalaman kepada mereka khususnya dalam pengendalian perawatan kecemasan pra hospital.



11 Ogos 2015.
Kunjungan Hormat kepada Pejabat KPPPM. PPPM bersama KKPPPSM telah bertemu Dr. Zaki bin Md Osman selaku KPPPM untuk beramah mesra disamping membincangkan isu-isu berkaitan profesion.



22 Ogos 2015.
Mesyuarat AMT PPPM Bil. 2 Penggal 2015 / 2016. Mesyuarat telah diadakan di Wisma Pembantu Perubatan, Kajang.

4 September 2015.

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan LPP. Pengerusi PPPM selaku Ahli Jawatankuasa Pendidikan LPP telah menghadiri mesyuarat ini dan membawa beberapa perkara antaranya cadangan meminda nama Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Forensik kepada Sarjana Muda Sains Forensik dan pertukaran nama Diploma Pembantu Perubatan kepada Diploma Sains Perubatan & Kesihatan. Kedua-dua cadangan ini diterima untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat LPP Kali Ke 61.

8 September 2015.

Kursus Teknikal PPP U42. PPPM telah dijemput untuk sesi forum pada kursus berkenaan yang berlangsung di adakan di Hotel Grand Continental, KL.

9 September 2015.

Dialog bersama pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan. PPPM bersama LPP dan KKPPPSM telah dijemput ke sesi dialog berkenaan yang diadakan di Pusat Perubatan UKM sempena minggu orientasi Program Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan.

3 Oktober 2015.

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 2 Penggal 2015/2016. Mesyuarat ini telah diadakan di Wisma Pembantu Perubatan, Kajang.

19 Oktober 2015.

Mesyuarat Jawatankuasa Seminar PPP dalam Perkhidmatan O&G. Mesyuarat pertama telah diadakan di LPP, KKM bagi membincangkan cadangan untuk mengadakan Seminar PPP Dalam Perkhidmatan O&G Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.

21 Oktober 2015.

Pra Mesyuarat LPP. Mesyuarat yang berlangsung di LPP ini telah dihadiri oleh PPPM bagi mengembangkan beberapa perkara yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat LPP Kali Ke 61 yang akan datang.



Hospital Sungai Petani, Kedah. Forum ini turut dihadiri LPP dan KKPPSM.

24 Oktober 2015.
Konvensyen PPP Negeri Kedah. PPPM telah menghadiri forum pada konvensyen berkenaan yang berlangsung di



PPPM. Pegawai-Pegawai Kanan PPPM Cawangan Perak telah melaksanakan tanggungjawab mempromosi profesion kepada umum.

25 – 27 Oktober 2015.

Pameran PPPM Sempena Majlis Konvokesyen Graduasi Sains Kesihatan Bersekutu di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, Perak.

PPPM telah menyertai pameran berbentuk poster perkhidmatan PPP untuk tatapan para tetamu yang berkunjung ke booth



31 Oktober 2015.

Bengkel Pakaian Seragam Penolong Pegawai Perubatan. KKPPPSM dan PPPM telah mengadakan bengkel ini yang diadakan di Wisma Pembantu Perubatan bagi mengkaji secara komprehensif ke atas spesifikasi pakaian seragam Penolong Pegawai Perubatan. Ini berikutan reka bentuk sedia ada telah membataskan pemakainya dalam kerja-kerja operasi disamping terdapat keperluan menentukan reka bentuk pakaian seragam Penolong Pegawai Perubatan wanita bagi gred-gred Kenaikan Pangkat.

2 November 2015.

Mesyuarat LPP Kali ke 61. Tn. Hj. Muhammad Diah bin Haji Koleh telah mewakili PPPM. Dua cadangan PPPM telah diluluskan pada kali ini.

4 November 2015.

Perjumpaan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Dan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia Bersama Pengurusan Tertinggi KKM. PPPM dan KKPPPSM telah dijemput ke sesi perjumpaan bersama Pengurusan Tertinggi KKM bagi membincangkan isu-isu dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan profesion dan perkhidmatan PPP. Mesyuarat yang berlangsung di Ibupejabat KKM ini bagaimanapun dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) berikutan YBhg. Datuk KSU tidak dapat bersama kerana mempunyai urusan rasmi yang lain. Sungguhpun, pelbagai isu dan cadangan yang dibangkitkan sebelum ini masih tidak diselesaikan dengan segera, mesyuarat tetap berlangsung dalam suasana yang harmoni.



22 November 2015.

Majlis Berkhatan Anak-anak Anggota Jabatan Penjara Malaysia Kajang. Majlis Berkhatan yang dianjurkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, Kajang, Selangor telah melibatkan seramai 33 orang anak-anak anggota. PPPM telah dijemput untuk mengkhatakan mereka.



27 – 29 November 2015.

Seminar Penolong Pegawai Perubatan Dalam Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2015. PPPM bersama LPP telah menganjurkan Seminar Peranan Penolong Pegawai Perubatan Dalam Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2015. Secara umumnya, objektif seminar ini adalah untuk memperkasakan peranan Penolong Pegawai Perubatan dalam Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi di bawah Program Perubatan dan sebagai langkah untuk mengembangkan lagi peranan profesion ini di dalam Perkhidmatan Kesihatan Keluarga



di bawah Program Kesihatan Awam. Ucaptama Seminar telah disampaikan oleh Dr. J. Ravichandran selaku Ketua Perkhidmatan O&G Kebangsaan. Penceramah-penceramah adalah terdiri daripada Ketua Jabatan & Pakar-Pakar Perunding Kanan serta empat (4) PPP yang berpengalaman luas dalam bidang O&G. Perasmian Pembukaan telah disempurnakan oleh YBhg. KPK manakala Perasmian Penutupan pula disempurnakan oleh YBhg. TKSU (Kewangan) KKM. Seramai 250 PPP telah menyertai seminar pada kali ini.

28 November 2015. Majlis Berkhatan di Komuniti Bandar Baru Nilai.

PPPM telah dijemput oleh Komuniti Taman Desa Indah Putrajaya Nilai, Negeri Sembilan untuk mengkhatakan 20 orang kanak-kanak.

4 Disember 2015. Majlis Malam Jasamu Dikenang.

PPPM telah dijemput ke Majlis Malam Jasamu Dikenang yang dianjurkan secara bersama oleh JKN Perak, PPPM Cawangan Perak dan KKPPPSM Cawangan Perak. Majlis diadakan bagi meraikan dan menghargai pesara-pesara PPP dan Pengajar PPP. Majlis yang disambut dengan meriah ini menyaksikan seramai 270 jemputan telah hadir.

9 Disember 2015. Mesyuarat Technical Working Group (TWG).

Mesyuarat ini telah mensasarkan 7 perkara untuk dicapai pada sebelum suku tahun pertama berakhir. PPPM telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dua (2) kertas cadangan iaitu pertama adalah pencalonan Ahli Penasihat Profesion dan kedua adalah Perancangan Pembangunan Kerjaya PPP.

21 Disember 2015. Sesi pertemuan antara PPPM, KKPPPSM dengan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Latihan KKM Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan permasalahan yang timbul melibatkan salah seorang ahli profesion yang sedang mengikuti pengajian diperingkat Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan.

29 Disember 2015. Mesyuarat Halatuju Profesion PPP.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh beberapa Pegawai Kanan Ibupejabat PPPM, KKPPPSM dan Sekretariat LPP. Antara halatuju dan perancangan profesion yang dibincangkan adalah rancangan penubuhan Bahagian Perkhidmatan PPP Dan Ausiliari, Penyertaan KPPPM sebagai Ahli Post Kabinet Meeting, program Sarjana Muda di UMS Sabah, sasaran 30% (3000) PPP berijazah menjelang 2020, pengisian post PPP U41 oleh SPA, Pusat Perkembangan Paramedik & Auksiliari, KPI KPPPM, Latihan Pembantu Hospital Estate, penubuhan Jawatankuasa Penasihat Profesion, permohonan keluar daripada BSKB, Pusat Latihan Berkhatan Kebangsaan bagi PPP, plan strategik pembangunan kerjaya PPP dan sebagainya.



NEGERI SEMBILAN

Program khidmat komuniti Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Negeri Sembilan bersama kerajaan Negeri Sembilan dan MKJR negeri di R&R Seremban arah selatan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2015 .



PULAU PINANG



Kursus dan Bengkel Peningkatan Teknik Berkhatan Peringkat Negeri Pulau Pinang
Tarikh 9-10 September 2015
Bertempat di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang.
Seramai 30 orang Penolong Pegawai Perubatan yang terlibat.



Kursus Pemantapan Penyeliaan Peringkat Negeri Pulau Pinang
Tarikh 8-9 September 2015
Bertempat di Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Seramai 30 orang Penolong Pegawai Perubatan terlibat.



Taklimat PPP Peringkat Negeri Pulau Pinang
Tarikh 17 September 2015
Bertempat di Klinik Kesihatan Sungai Dua SPU, Pulau Pinang.
Seramai 40 orang Penolong Pegawai Perubatan terlibat.

KEDAH

KONVENSYEN PPP KEDAH

Telah diadakan pada 24.10.2015 bertempat di Auditorium Hospital Sultan Abdul Halim. Seramai 200 orang peserta terlibat dalam Konvensyen ini. Perasmian majlis ini disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan turut dihadiri oleh Ketua PPP Malaysia, Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dan Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia.

Objektif

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terhadap perkhidmatan-perkhidmatan klinikal terkini bagi profesion Penolong Pegawai Perubatan.
- Memberikan kefahaman dan kesedaran berkaitan transformasi perkhidmatan kesihatan dalam profesion Penolong Pegawai Perubatan.
- Memberikan pengetahuan tentang kemajuan profesion menerusi sesi dialog bersama Kepimpinan Tertinggi profesion Penolong Pegawai Perubatan peringkat nasional.



KURSUS TEAM BUILDING

Berjaya diadakan pada 30.09.2015 hingga 2.10.2015 di Harvard Suasana Hotel, Bedong Kedah jumlah peserta terlibat ialah seramai 40 orang.

Objektif

- Memupuk budaya kerja sebagai satu pasukan yang profesional dan penyayang di kalangan PPP.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

Tarikh : 10. 07.2015
Masa : 7.00 pagi hingga 11.00 mlm
Tempat : Hospital Sultan Abdul Halim
Bil. Peserta Terlibat : 60 orang

Objektif

- Memupuk budaya penyayang dan saling bantu membantu khasnya kepada anak-anak yatim dan fakir miskin.
- Mengembirakan anak-anak yatim menjelang hari lebaran.



Layari Info PPP Kedah di [f penolong pegawai perubatan kedah](https://www.facebook.com/penolong.pegawai.perubatan.kedah)

JOHOR



Persembahan Marhaban PPP Johor



Sekitar Sambutan Hari Kebangsaan
Di Dataran Bandaraya Johor Bahru



Sambutan Hari Raya Bersama PPP Johor Di Bahagian
PPP JKNJ Pada 16 Ogos 2015


JOHORE AMOCS (PRE HOSPITAL CARE)

Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Johor dengan kerjasama Bahagian PPP Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menganjurkan Seminar 2 hari pada 21hb -22hb September 2015 bertempat di Auditorium Ixora Hospital Permai. Tema "Pre Hospital Care - AMO Challenges Where We Stand". Seramai 219 peserta telah hadir pada seminar tersebut.

Pertandingan poster yang diadakan telah dimenangi oleh Pejabat Kesihatan Kota Tinggi dan membolot hadiah wang tunai RM 500. Pada seminar tersebut juga telah diadakan sesi dialog. Antara panel nya ialah Dr Hj Zaki B. Osman (Ketua PPP Malaysia), Tn Hj Yahaya B. Jaafar (Timbalan Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia) dan Dr Hj Izam Bin Suleiman (Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Negeri Johor). Seramai 25 org ahli baru telah direkrut sepanjang seminar tersebut.



Mesyuarat Ajk Pengelola Seminar PPP



Seminar Klinikal PPP Johor



Pertandingan persembahan
poster ilmiah



Peserta Yang Hadir Pada
Seminar Pre Hospital Care

Sesi dialog dalam seminar
Pre Hospital Care



PAHANG

LAPORAN RINGKAS AKTIVITI PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN PAHANG 2015

Lawatan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri Pahang Bersama Wakil Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Pahang Dan Wakil Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Negeri Pahang Klinik Kesihatan Kampung Bantal Dan Klinik Desa Gusai Jerantut Pahang.

Bahagian Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Negeri Pahang dengan kerjasama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Pahang dan Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Cawangan Pahang telah mengadakan satu lawatan ke Klinik Kesihatan Kampung Bantal dan Klinik Desa Gusai yang terletak di Daerah Jerantut dari 6 – 8 Ogos 2015. Pengangkutan utama ke kedua - kedua fasiliti kesihatan ini adalah menggunakan bot manakala jalan darat hanya boleh dilalui menggunakan kenderaan pacuan 4 roda sahaja.

Rombongan telah menggunakan bot dari Jeti Kuala Tahan ke Kampung Bantal. Perjalanan mengambil masa lebih kurang 4 jam dengan melalui Sungai Pahang. Adakalanya terpaksa menolak bot kerana air sungai yang cetek. Di KK Kg Bantal telah diadakan CME untuk staff kesihatan yang disampaikan oleh PPP Mohd Ariff Khusairi Bin Johari dan kami telah dibawa untuk melihat kesan-kesan banjir besar yang telah menenggelamkan hampir separuh KK Kg Bantal. Lawatan seterusnya adalah ke KD Gusai dimana ia adalah fasiliti kesihatan yang paling jauh di pedalaman di Negeri Pahang.

Dengan program lawatan yang sebegini diharap dapat memberikan semangat dan dorongan kepada petugas-petugas kesihatan yang ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman dimana mereka akan sentiasa dipantau dan sokongan yang berterusan dari pihak pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengorbanan mereka tidak harus dipandang rendah dan perlu mendapat perhatian dan pembelaan. Lawatan ini telah disertai oleh :

- | | |
|-------------------------------|--|
| 1. Dr Md Zaki Bin Othman | – Mantan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Pahang |
| 2. Hj Othman Bin Jidin | – Timb. Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Pahang |
| 3. Hj Wisam Bin Abu Bakar | – Wakil Bahagian Penolong Pegawai Perubatan JKN Pahang |
| 4. Hj Mukhtar Bin Haron | – Ketua Penyelia Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh |
| 5. Hj Mohd Salleh Bin Ibrahim | – Timb. Pengerusi Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Pahang |
| 6. Zali Bin Busu | – Bendahari Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Pahang |
| 7. Achik Isam Bin Alias | – Setiausaha Persatuan Pembantu Perubatan Pahang |



Majlis Meraikan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Pahang Dan Majlis Kesyukuran Perlantikan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia

Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Pahang dengan kerjasama Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Negeri Pahang telah mengadakan satu majlis meraikan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Pahang dan Majlis Kesyukuran Perlantikan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia iaitu Dr Md Zaki Bin Othman bertempat di Hotel Seri Malaysia Temerloh pada 13 Ogos 2015.

Majlis ini diadakan untuk menghargai jasa-jasa KPPN Pahang dan melahirkan rasa bangga atas perlantikan beliau sebagai KPPP Malaysia. Ini adalah julung kalinya KPPP Malaysia dilantik dari Negeri Pahang. Majlis ini telah dihadiri oleh kesemua ketua penyelia hospital, penyelia daerah dan penyelia dari jabatan kesihatan negeri Pahang. Didalam majlis itu juga diumumkan KPPN Pahang yang baru iaitu Tuan Hj Faudzi Bin Salleh.



PERAK

MALAM JASAMU DIKENANG

Malam Jasamu Dikenang anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Perak bersama Jawatankuasa Teknikal PPP Perak dan Kesatuan PPP Sem Malaysia Cawangan Perak telah diadakan pada 4 December 2015 di Hotel Excelsior Ipoh Perak. Majlis ini diadakan bagi mengenang jasa dan meraikan pesara - pesara Penolong Pegawai Perubatan negeri Perak yang bersara pada tahun 2015.



Seramai 21 orang pesara telah diraikan pada majlis Malam Jasamu Dikenang pada kali ini. Tetamu jemputan yang hadir ialah Timbalan Pengarah Pengurusan JKN Perak, Pengarah HRPB Ipoh, Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia, Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dan Presiden Kesatuan PPP Sem Malaysia. Seramai 270 orang Penolong Pegawai Perubatan dari seluruh negeri Perak hadir pada majlis ini.



Cenderahati dari pihak penganjur telah diberikan kepada semua pesara-pesara manakala bagi pesara yang menjadi ahli Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Sem. Malaysia, hadiah extra telah diberikan kepada mereka. Acara cabutan bertuah dan karaoke juga diadakan bagi memeriahkan majlis makan malam ini. Sebanyak lebih dari 80 buah hamper telah disediakan oleh pihak penganjur bagi acara cabutan bertuah.



TEAM BUILDING PPP PERAK @ ESCAPE PENANG

Tanggal 5 November 2015 Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Perak dengan kerjasama Jabatan Kecemasan HRPB Ipoh Perak telah menganjurkan Program Team Building untuk PPP di Escape Penang. PPP yang terdiri dari PPP lama dan juga PPW HRPB bersama-sama menjayakan program sehari ini bagi memantapkan aktiviti fizikal dan mental. Program ini juga dapat menghilangkan stress kepada semua yang terlibat dalam menjalankan kerja - kerja seharian di Hospital.



Dalam program ini juga PPPM Perak menganjurkan pertandingan antara sesama PPP bagi memeriahkan program dan hadiah - hadiah telah diberikan kepada pemenang di HRPB Ipoh. Seramai 9 pemenang dipilih berdasarkan katogeri yang dipertandingkan. PPPM Perak akan sentiasa menganjurkan program- program sebegini dimasa hadapan.